

BAB 2

PADANAN DALAM PENTERJEMAHAN

2.0 PENDAHULUAN

Mengikut sejarah, pada awal pertengahan abad kedua puluh, terma *equivalence* dalam pelbagai bahasa di Eropah merupakan gambaran teori penterjemahan di Barat. Keadaan ini lebih memuncak sekitar tahun 1960-an dan 1970-an terutamanya dalam rangka linguistik struktural. Secara amnya, para penterjemah ketika itu beranggapan bahawa teks sumber (ST) dan teks sasaran (TT) boleh berkongsi nilai yang sama (*equivalence*) pada sesetengah tahap dan konsep persamaan/padanan ini juga yang membezakan penterjemahan teks dengan teks yang lain. Bertitik tolak dari sinilah, konsep persamaan/padanan ini mula menjadi topik perbincangan. Sejak 50 tahun yang lalu topik persamaan/padanan ini boleh dikatakan telah menjadi isu utama dalam perbincangan ilmu penterjemahan.

Kepentingan persamaan/padanan memang disedari oleh para cendekiawan penterjemahan dan sentiasa menjadi topik utama dalam pengajian penterjemahan. Mengikut Moore (2009) dalam artikelnya bertajuk *Linguistic and Cultural Equivalence in Translation* yang tersiar dalam *Translation Journal*, terdapat dua aliran persamaan/padanan yang kekal dalam perbahasan sejak kajian penterjemahan bermula, iaitu persamaan formal (*formal correspondence*) dan padanan dinamik (*dynamic equivalence*). Tambah Moore (2009) lagi, persamaan formal merupakan penterjemahan **perkataan kepada perkataan** manakala padanan dinamik pula adalah penterjemahan **makna kepada makna**. Walau bagaimanapun, kedua-dua aliran ini tidak diberi aras

penanda yang jelas dan ada kemungkinan ia boleh wujud secara serentak dalam penterjemahan. Namun terdapat satu persamaan dalam kedua-dua aliran ini, iaitu tentang kewujudan masalah yang dihadapi oleh penterjemah-penterjemah untuk mencapai padanan.

2.1 PADANAN PENTERJEMAHAN

Hasuria (1997) dalam makalahnya yang bertajuk ‘Mendekati Kehilangan Makna dalam Terjemahan’ telah menghuraikan konsep padanan dalam penterjemahan sebagai usaha memadankan teks bahasa sasaran yang membawa maksud yang sama atau mendukung fungsi yang sama dengan unsur yang terdapat dalam bahasa sumber. Pemadanan makna ini dilakukan menerusi penggunaan perkataan, frasa, klausa, ayat, perenggan dan sebagainya. Dalam hal ini, kesatuan makna turut dipentingkan. Sementara itu, Newmark (1981) telah memperbaharui kenyataannya dahulu bahawa padanan yang tepat tidak wujud. Kebelakangan ini, Newmark (1992) telah mengunjurkan susunan hirarki padanan tepat dalam penterjemahan. Objek kata nama dikatakan kumpulan kata yang paling kerap mempunyai padanan tepat dan ini diikuti oleh kumpulan kata bagi bentuk dan warna kerana kedua-duanya mempunyai fungsi yang hampir sama. Kumpulan kata mengikut susunan hirarki seterusnya ialah kata kerja, kata sifat dan adverba.

Leonardi (2000) dalam artikelnya yang bertajuk, *Equivalence in Translation : Between Myth and Reality* telah mengemukakan beberapa teori padanan yang diinterpretasikan oleh beberapa orang linguist yang inovatif dalam bidang penterjemahan seperti Vinay dan Darbelnet, Jakobson, Nida dan Taber, Catford,

House dan Baker. Para linguist ini telah mengkaji konsep padanan yang berhubung kait dengan proses penterjemahan yang menggunakan pendekatan berlainan dan seterusnya membuahakan idea-idea yang bernas untuk kajian-kajian yang akan datang. Menurut Leonardi (2000), teori-teori padanan ini secara keseluruhannya dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu:

1. Kumpulan pertama ialah kumpulan penterjemah yang memihak kepada pendekatan linguistik dalam penterjemahan mereka. Walaupun mengetahui hakikat bahawa penterjemahan itu tidak semuanya berkenaan linguistik, mereka seolah-olah tidak menghiraukannya. Apabila mesej dipindahkan dari SL kepada TL dalam masa yang sama, penterjemah sebenarnya berurusan dengan dua budaya yang berbeza. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak dipandang ringan oleh kumpulan seterusnya yang melihat padanan penterjemahan sebagai proses pemindahan mesej dari budaya sumber (SC) ke budaya sasaran (TC).
2. Kumpulan kedua merupakan kumpulan penterjemah yang melihat padanan penterjemahan sebagai proses pemindahan mesej dari budaya sumber (SC) ke budaya sasaran (TC). Proses penterjemahan yang dipraktikkan oleh mereka dengan menggunakan pendekatan pragmatik-semantik atau pendekatan yang berorientasikan fungsional (*functionally oriented*).
3. Kumpulan yang akhir sekali ialah kumpulan penterjemah yang berada di tengah-tengah di antara dua pendapat di atas. Salah seorang daripada kumpulan penterjemah ini adalah Baker. Kumpulan ini mendakwa bahawa padanan penterjemahan itu digunakan hanya untuk keselesaan (*for the sake of convenience*) kerana sebahagian besar penterjemah memang

mempraktikkannya dan bukan atas dasar ia merupakan sebahagian daripada teori penterjemahan (Kenny,1998, hlm. 77).

2.1.1 Pendapat Beberapa Linguis Mengenai Padanan Penterjemahan

Berikut adalah perbincangan tentang konsep-konsep padanan penterjemahan oleh beberapa orang linguis berdasarkan turutan kronologi agar mudah untuk dilihat perkembangannya.

2.1.1.1 Vinay dan Darbelnet

Vinay dan Darbelnet (1958/1995, hlm. 342) dalam membincangkan tujuh cadangan metod atau prosedur penterjemahan (pinjaman, *calque*, penterjemahan literal, transposisi, modulasi, padanan dan adaptasi) telah mengemukakan padanan sebagai salah satu daripadanya. Menurut mereka, penterjemahan yang berorientasikan padanan merupakan prosedur dimana **meniru** (*replicates*) situasi yang sama dengan yang asal dan dalam masa yang sama menggunakan perkataan yang berbeza sama sekali. Satu situasi yang sama boleh diterjemahkan dengan dua teks menggunakan metod stilistik dan struktural yang berbeza. Mereka juga menyatakan sekiranya prosedur ini diaplikasikan dalam proses penterjemahan, nescaya impak stilistik teks bahasa sumber akan dapat dikekalkan dalam teks bahasa sasaran walaupun menggunakan perkataan yang berbeza sama sekali. Contohnya, apabila seorang amatur terketuk tangannya dengan besi, sekiranya dia adalah seorang Perancis, sudah tentu dia akan menjerit kesakitan *aïe!*, tetapi berlainan pula sekiranya dia adalah seorang Inggeris. Seorang Inggeris akan melahirkan rasa kesakitan dalam situasi ini dengan menyebut *ouch!*.

Berhubung dengan pernyataan bahawa padanan antara dua bahasa, Vinay dan Darbelnet (1958/1995, hlm. 255-256) mendakwa sesuatu padanan itu boleh diterima selagi ia tersenarai dalam kamus dwibahasa sebagai **padanan sempurna** (*full equivalence*). Walau bagaimanapun, mereka kemudiannya menambah bahawa glosari dan koleksi pernyataan idiomatik tidak pernah lengkap. Mereka seterusnya merumuskan bahawa keperluan mencari padanan timbul daripada situasi, iaitu situasi dalam SL yang perlu diambil kira oleh penterjemah untuk mencari penyelesaiannya. Bahkan mereka turut mempertikaikan bahawa walaupun terdapat padanan semantik SL yang tersenarai dalam kamus atau glosari, ia masih tidak mencukupi dan bukan jaminan bahawa sesuatu terjemahan itu telah berjaya.

2.1.1.2 Jakobson

Seorang strukturalis Amerika iaitu **Roman Jakobson**, dalam kertas kerjanya ‘*On linguistic aspects of translation*’ (1959/2000, hlm. 232-239) telah mendeskripsikan tiga jenis penterjemahan seperti berikut:

1. Penterjemahan Intralingual atau Penyusunan Semula Perkataan (interpretasi lambang verbal dengan makna lambang yang lain dalam bahasa yang sama).
2. Penterjemahan Interlingual atau Penterjemahan Betul (interpretasi lambang verbal dengan makna lambang pada bahasa yang lain).
3. Penterjemahan Intersemiotik atau Transmutasi (interpretasi lambang verbal dengan makna lambang bukan-verbal).

Berkenaan penterjemahan interlingual, Jakobson seterusnya membincangkan isu utama dalam penterjemahan jenis ini iaitu **makna linguistik** (*linguistic meaning*)

dan **padanan** (*equivalence*). Penerjemah sering menggunakan sinonim dalam usaha untuk mendapatkan mesej ST. Ini bermakna dalam penterjemahan interlingual tidak akan berlaku padanan sempurna antara unit kod. Jakobson seterusnya menegaskan jikalau dilihat dari sudut nahu, satu bahasa mungkin berbeza dengan satu bahasa yang lain sama ada dengan perbezaan yang besar atau kecil, tetapi ini tidak bermakna bahawa penterjemahan itu sesuatu yang mustahil. Dalam kata lain, ia hanyalah sama ada penterjemah akan menghadapi masalah atau sebaliknya dalam mencari padanan penterjemahan. Jakobson yang menuruti pendapat Saussure mengenai hubungan di antara penanda *the signifier* (isyarat lisan dan bertulis) dan petanda *the signified* (konsep petanda). Penanda dan petanda bersama-sama membentuk lambang linguistik, tetapi lambang itu boleh jadi arbitrari atau tidak bermotivasi (Saussure, 1916/1983, hlm.67-69). Jakobson seterusnya beralih kepada masalah utama, iaitu padanan dalam makna (*equivalence in meaning*) antara perkataan dalam bahasa berbeza. Saussure (1959/2000) menegaskan bahawa lazimnya tiada **padanan sempurna** (*full equivalence*) di antara **unit kod** (code units).

Jakobson (1959/2000, hlm. 114) turut menjelaskan bahawa penterjemahan interlingual sebenarnya melibatkan **penggantian** (*substituting*) mesej dalam satu bahasa kepada satu bahasa yang lain. Penggantian ini bukan pada unit kod yang berasingan tetapi untuk keseluruhan mesej. Penerjemah akan mengekod semula dan menghantar mesej yang diterima daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Oleh yang demikian, penterjemahan melibatkan dua padanan mesej dalam dua kod berbeza. Bagi mesej yang menjadi padanan dalam teks sumber (ST) dan teks sasaran (TT), unit kodnya adalah berbeza memandangkan ia kepunyaan dua sistem lambang berbeza (bahasa) dan terdapat realiti sekatan yang berlainan.

Dari sudut linguistik dan semiotik, Jakobson telah mengambil pendekatan **padanan berbeza** (*equivalence in difference*) untuk menyelesaikan masalah. Padanan berbeza adalah masalah kardinal bahasa dan perkara yang perlu diambil kira dalam linguistik. Dalam perbincangannya, Jakobson turut menjelaskan bahawa masalah makna dan padanan timbul kerana penterjemah memberi lebih fokus kepada perbezaan struktur dan terminologi bahasa berbanding kebolehan sesuatu bahasa menterjemah mesej yang telah ditulis dalam bahasa lisan yang lain.

Tambah Jakobson lagi, **perbezaan linguistik-silang** (*cross-linguistic differences*) merangkumi kekangan gramatikal dan bentuk leksikal. Dia berpendapat bahawa bahasa berbeza terutamanya mengenai apa-apa yang mesti disampaikan dan bukan apa-apa yang mungkin disampaikan.

Contoh-contoh perbezaan yang hurakan Jakobson (1959/2000, hlm. 116) dapat dilihat seperti di bawah:

1. Aras gender: *house* adalah feminin dalam bahasa Roman, neuter dalam bahasa Jerman dan Inggeris; *honey* adalah maskulin dalam bahasa Perancis, Jerman dan Itali, feminin dalam bahasa Sepanyol dan neuter dalam bahasa Inggeris.
2. Aras aspek: dalam bahasa Rusia, morfologi kata kerja berubah-ubah mengikut sama ada perbuatan sudah dilakukan atau belum.
3. Aras medan semantik: *Geschwister* dalam bahasa Jerman disamaertikan sebagai *brothers and sisters* dalam bahasa Inggeris; sementara *children* dalam ayat bahasa Inggeris 'I've got two children' yang diterjemahkan sebagai spesifik-gender *hijas* dalam bahasa Sepanyol sekiranya kedua-dua anak adalah perempuan.

Kebanyakan **konsep hubungan asas** (*basic relational concepts*), bahasa-bahasa Barat seperti *be* (bahasa Inggeris), *tre* (bahasa Perancis) dan *sein* (bahasa Jerman) tidak berlaku pada bahasa Sepanyol yang berpecah kepada *ser* dan *estar*, sementara bahasa Rusia tidak menggunakan kata kerja secara eksplisit pada kala kini. Walaupun contoh-contoh di atas menggambarkan perbezaan-perbezaan antara bahasa, namun masih wujud konsep kebolehterjemahan. Penterjemahan genre puisi adalah satu-satunya yang melibatkan ekspresi bentuk, iaitu persamaan fonemik yang juga bermaksud hubungan semantik telah dianggap oleh Jakobson sebagai tidak dapat diterjemahkan (*untranslatable*) dan memerlukan perubahan yang kreatif (Jakobson 1959/2000, hlm.118).

2.1.1.3 Catford

Sementara pendekatan yang dikemukakan oleh Catford (1965, hlm.20) adalah berpandukan model linguistik oleh Firth dan Halliday yang menganalisis bahasa sebagai komunikasi, fungsian kendalian dalam konteks dan berbeza aras (seperti fonologi, grafologi, tatabahasa, leksis) serta peringkat (seperti ayat, klausa, kumpulan, perkataan, morfem dan lain-lain). Sumbangan utama beliau dalam teori penterjemahan ialah pengenalan kepada konsep jenis-jenis penterjemahan dan anjakan penterjemahan. Catford (1965) telah mencadangkan jenis-jenis penterjemahan dengan panjang lebarnya mengikut tiga kriteria berikut,

1. Luasan penterjemahan (penterjemahan penuh lawan penterjemahan separa)

Penterjemahan penuh bermaksud seluruh teks mengalami proses penterjemahan: setiap bahagian teks bahasa sumber digantikan dengan teks bahasa sasaran. Sementara penterjemahan separa pula adalah sesetengah

bahagian teks bahasa sumber dibiarkan begitu sahaja tanpa diterjemah; bahagian ini hanya dipindahkan dan digabungkan ke dalam teks bahasa sasaran.

2. Tingkat dalam hirarki tatabahasa, iaitu padanan penterjemahan dihasilkan. (penterjemahan terikat lawan penterjemahan tak terikat)

Penterjemahan terikat bermaksud pemilihan padanan dalam bahasa sasaran (TL) sengaja dibataskan pada satu tingkat (atau beberapa tingkat yang rendah dalam tatatingkat). Penterjemahan tak terikat pula bermaksud padanannya teranjak dengan bebas dari atas ke bawah dalam tatatingkat.

3. Aras bahasa yang terlibat dalam penterjemahan. (penterjemahan menyeluruh lawan penterjemahan terbatas). Penterjemahan menyeluruh iaitu penterjemahan yang melibatkan semua aras teks bahasa sumber (SL) digantikan dengan bahan TL. Penterjemahan terbatas bermakna penterjemahan hanya dilakukan pada aras fonologi atau pada aras grafologi sahaja, ataupun hanya pada satu daripada dua aras tatabahasa dan leksis tersebut.

Oleh kerana konsep padanan menjadi fokus kajian ini, maka perbincangan akan merujuk pada jenis penterjemahan yang kedua. Anjakan penterjemahan sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Catford (1965), akan dibincangkan berasaskan perbezaan antara persamaan formal dan padanan tekstual. Padanan dalam penterjemahan terikat, tingkat dicari pada setiap perkataan dalam TL, atau pada setiap morfem yang bertembung dengannya dalam ST. Sementara itu, dalam penterjemahan tak terikat, padanan yang tidak terikat pada tingkat tertentu, dan berkemungkinan padanan

terdapat pada ayat, klausa atau aras yang lain. Tambah Catford lagi, terdapat lima tingkat atau aras bagi bahasa Inggeris dan bahasa Perancis.

Catford (1965) kemudiannya telah membuat perbezaan yang jelas antara persamaan formal dan padanan tekstual.

1. Persamaan formal adalah apa-apa jua kategori TL (unit, golongan, struktur, struktur tidak pasti, dan sebagainya) yang dapat dikatakan hampir-hampir mempunyai kedudukan yang 'sama' dalam 'ekonomi' TL seperti kedudukan kategori tertentu SL dalam SL (Catford 1965, hlm. 27).
2. Padanan tekstual pula adalah apa jua teks SL atau sebahagian daripada teks yang diperhatikan pada ketika tertentu berpadanan dengan teks SL atau sebahagian daripada teks menurut kaedah yang tertentu.

Padanan tekstual adalah terikat kepada kedua-dua ST dan TT tertentu. Sementara itu padanan formal adalah lebih kepada konsep asas di antara dua bahasa. Apabila berlaku dua konsep yang bercanggah, maka akan berlaku anjakan penterjemahan. Catford (2001, hlm. 141) dalam kenyataannya tentang anjakan penterjemahan, berpendapat bahawa perlepasan dari persamaan formal adalah dalam proses mengubah bentuk SL (*form of SL*) kepada bentuk TL.

Catford (2000, hlm. 141-143) mempertimbangkan dua jenis anjakan iaitu anjakan aras dan anjakan kategori seperti berikut:

1. **Anjakan aras** merupakan sesuatu yang diujarkan menggunakan tatabahasa satu bahasa dan lexisnya ke dalam bahasa yang lain. Sebagai contoh, aspek dalam bahasa Rusia yang diterjemahkan ke dalam leksikal kata kerja bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

igrat (to play) dan *sigrat (to finish playing)*;

2. Kebanyakan analisis yang dibuat oleh Catford (2000, hlm. 143-147) adalah berkisar kepada **anjakan kategori** seperti berikut:

- a) Anjakan struktur: Anjakan ini merupakan bentuk anjakan yang kerap berlaku dan kebanyakan anjakan melibatkan struktur tatabahasa.
- b) Anjakan golongan: Anjakan golongan berlaku apabila padanan terjemahan sesuatu item SL itu merupakan ahli golongan yang berlainan daripada item asal.
- c) Anjakan unit atau anjakan tingkat: Anjakan padanan terjemahan sesuatu unit pada satu-satu tingkat tertentu dalam SL merupakan unit pada tingkat yang berlainan dalam TL. 'Tingkat' di sini merujuk kepada hirarki unit linguistik iaitu ayat, klausa, golongan, perkataan dan morfem.
- d) Anjakan intrasistem: Anjakan jenis ini berlaku apabila SL dan TL mempunyai persamaan yang hampir sama tetapi penterjemahan yang berlaku melibatkan pilihan istilah yang tiada persamaan dalam sistem TL.

2.1.1.4 House

Konsep padanan yang dikemukakan oleh House (1977) lebih fleksibel berbanding dengan Catford. House (1977, hlm. 49) lebih berpihak kepada padanan semantik dan pragmatik dan mempertikaikan kenyataan bahawa fungsi ST dan TT harus sama antara satu sama lain. House mendakwa fungsi teks boleh dikategorikan dengan mengenal pasti dimensi situasi (*situational dimensions*) ST. Malahan tambah House lagi, setiap

teks itu mempunyai situasinya tersendiri dan perlu dikenal pasti dengan betul dan dipertimbangkan oleh penterjemah. House seterusnya mendakwa bahawa teks penterjemahan tidak seharusnya berpadanan dengan ST untuk fungsinya sahaja, tetapi menggunakan padanan dimensi situasi untuk mencapai fungsi itu.

Perbincangan House (1977, hlm. 194) bertumpu kepada konsep **penterjemahan terbuka** (*overt*) dan **penterjemahan tertutup** (*covert*). Dalam penterjemahan terbuka, khalayak TT tidak ditujukan secara langsung. Justeru itu, tiada keperluan untuk mencipta semula **teks asli kedua** (*second original*). Tambah House (1977, hlm. 189), penterjemahan terbuka mestilah diterjemah secara terang-terangan. Sebaliknya, bagi penterjemahan tertutup, iaitu penghasilan teks merupakan padanan fungsian kepada ST, dan House mempertikaikan bahawa penterjemahan jenis ini tidak ditujukan khusus untuk khalayak budaya sasaran (TC).

House (1977, hlm. 203) seterusnya menetapkan jenis-jenis ST kepada dua kategori dan ini mungkin dapat memberi manfaat kepada penterjemahan. Artikel akademik misalnya tidak mungkin mempamerkan unsur-unsur khusus budaya sumber (SC), sebaliknya harus berbentuk perbincangan secara am sebagaimana yang terdapat pada TL. Malahan jika boleh, pembaca tidak seharusnya tahu ia adalah hasil terjemahan. Berlainan pula keadaannya dengan ucapan politik dalam SC yang ditujukan kepada masyarakat atau golongan tertentu. Ucapan biasanya bertujuan mengerakkan sesuatu tindakan atau meraih pengaruh. Justeru itu, TT seharusnya memberitahu kepada pihak luar tentang apa-apa yang telah diucapkan oleh penceramah bagi pihak diri dan kedudukannya. Jelas sekali, ini adalah contoh penterjemahan terbuka iaitu padanan

fungsian sukar untuk dikekalkan dan menyebabkan perbezaan fungsi antara ST dan TT.

2.1.1.5 Baker

Perbincangan mengenai padanan yang lebih menarik lagi ialah perbincangan oleh Baker (1992). Beliau telah mencadangkan **senarai keadaan** (*list of conditions*) dengan lebih terperinci supaya konsep padanan dapat dikenal pasti. Baker meninjau konsep padanan pada aras bahasa yang berbeza termasuk semua aspek pelbagai bahasa, termasuklah menggabungkan pendekatan linguistik dan komunikatif. Baker seterusnya membuat perbezaan antara padanan pada perkataan, padanan gramatis, padanan teks dan padanan pragmatik seperti berikut:

1. **Padanan pada perkataan.** Padanan boleh wujud pada perkataan dan melangkaui perkataan apabila menterjemah daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain. Baker mendapati pendekatan **bawah ke atas** (*bottom-up*), iaitu padanan pada perkataan merupakan elemen pertama yang diambil kira oleh penterjemah.
2. **Padanan Gramatis** merujuk kepada perbezaan kategori gramatis antara bahasa. Menurut Baker, peraturan gramatis berbeza-beza antara satu bahasa dengan bahasa yang lain dan ini akan menimbulkan masalah dalam mencari persamaan terus dalam TL. Malahan, beliau mendakwa perbezaan struktur gramatis dalam SL dan TL berkemungkinan menyebabkan perubahan ketara dalam cara informasi atau mesej itu disampaikan. Perubahan ini berkemungkinan akan mengakibatkan penterjemah sama ada menambah atau

menggugurkan informasi dalam TT kerana kekurangan elemen gramatis dalam TL berkenaan.

3. **Padanan Teks** yang merujuk kepada padanan antara teks TL dan teks SL dari sudut informasi dan kohezi. Tekstur adalah ciri yang paling penting dalam penterjemahan kerana ia akan memberi panduan kepada kefahaman terhadap analisis ST. Ini akan dapat membantu penterjemah dalam percubaan mendapatkan kohezi dan koheren teks untuk khalayak TC dalam konteks yang spesifik.
4. **Padanan Pragmatik** pula berdasarkan implikatur dan strategi pengelakan semasa proses penterjemahan. Implikatur bukanlah tentang apa-apa yang tersurat tetapi tentang apa-apa yang tersirat. Oleh kerana itu, penterjemah perlu mendapatkan makna tersirat dalam penterjemahan agar mesej ST dapat disampaikan. Tugas utama penterjemah adalah membuat semula hasrat pengarang dalam budaya berbeza supaya pembaca TC dapat memahami dengan jelas.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan di sini bahawa, penterjemahan itu sebenarnya proses mencari padanan yang paling tepat dan sesuai dengan makna asalnya bagi perkataan dalam ST agar makna asalnya berjaya disampaikan kepada pembaca/penonton TT.

2.2 PERSAMAAN FORMAL DAN PADANAN DINAMIS

Konsep padanan yang diusulkan oleh Nida (1964, 1969) adalah antara pandangan yang telah memberi dampak yang besar dalam dunia penterjemahan dan menjadi panduan kepada sebahagian besar penterjemah, malahan ia turut menjadi topik hangat yang masih diperbincangkan sehingga ke hari ini. Menurut Nida (Nida dan Taber, 1982) terdapat dua jenis padanan yang berbeza iaitu **padanan formal** (*formal equivalence*) dan kemudiannya ia disebut juga sebagai **persamaan formal** (*formal correspondence*) dan padanan dinamik (*dynamic equivalence*).

Nida (1964) di dalam bukunya, *Toward A Science of Translation*, telah menulis tentang apa yang sebenarnya perlu dicari dalam sesebuah penterjemahan, iaitu **padanan terdekat** (*the closest possible equivalent*). Walau bagaimanapun, menurut beliau lagi sebenarnya terdapat dua jenis asas padanan yang berbeza iaitu:

- a) persamaan formal dan
- b) padanan dinamis

Persamaan formal bermaksud fokus utama penterjemahan ialah kepada mesej teks sama ada bentuk mahupun kandungan. Persamaan formal mengandungi item TL yang mewakili padanan terdekat perkataan atau frasa SL.

Padanan formal memberi fokus kepada mesej dalam kedua-dua aspek bentuk dan kandungan dalam usaha menyampaikan mesej dalam bahasa penerima/sasaran. Bagi elemen yang berbeza, padanan haruslah yang paling hampir dengan bahasa sumber. (Nida 1964a, hlm. 159)

Dalam penterjemahan jenis ini, perhatian akan bertumpu kepada perhubungan seperti perhubungan puisi dengan puisi, ayat dengan ayat dan mesej dengan mesej. Ini

bermakna mesej dalam bahasa sasaran seharusnya merupakan **padanan terdekat** bagi setiap mesej yang terdapat dalam SL. Contohnya, mesej yang terdapat dalam elemen budaya SL perlulah tetap berbanding mesej dalam elemen budaya TL. Ini sebenarnya bertujuan untuk menentukan darjah ketepatan dan kebenaran sesebuah penterjemahan itu. Jenis penterjemahan yang benar-benar melambangkan padanan struktural ini juga dikenali sebagai **terjemahan glos**, iaitu penterjemah berusaha sedaya mungkin untuk menghasilkan semula bentuk dan kandungan secara literal dan menepati makna sebagaimana yang diniatkan oleh penulis ST. Nida dan Taber (1982) turut menjelaskan bahawa tidak akan selalu ada padanan formal antara dua bahasa. Mereka mencadangkan bahawa padanan formal ini digunakan apabila perlu dan sekiranya sasaran penterjemahan adalah ke arah formal berbanding padanan dinamik. Walau bagaimanapun, penggunaan padanan formal adakalanya memberi implikasi yang serius dalam TT kerana penterjemahan itu tidak akan mudah difahami pembaca sasaran (Fawcett, 1997). Tambah Nida dan Taber lagi, lazimnya persamaan formal akan mengakibatkan tatabahasa dan bentuk stilistik bahasa penerima menjadikan tunggang-langgang dan seterusnya akan merosakkan mesej. Akibatnya, berlakulah salah faham kepada pembaca sasaran atau penterjemahan terlebih yang turut merosakkan TT.

Penterjemahan seumpama ini kita dapati di dalam teks terjemahan Zaman Pertengahan bahasa Peranchis kepada bahasa Inggeris yang dibuat bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar beberapa aspek mengenai kesusasteraan awal bahasa Peranchis. Penterjemahan ini tidak bertujuan untuk mendapatkan pengetahuan daripada apa yang tertulis dalam ST, sebaliknya sekadar melihat struktur teks tersebut seperti bentuk (contoh: sintaks dan puisi) dan kandungan (contoh: tema dan konsep). Pada kebiasaannya, penterjemahan jenis ini memerlukan beberapa nota kaki supaya teks

terjemahan lebih mudah untuk difahami. Di samping itu, *gloss translation* dalam penterjemahan jenis ini bertujuan membolehkan pembaca TT seboleh mungkin turut merasai sama seperti mereka yang berada dalam konteks SL dan seterusnya memahami sebanyak mungkin adat resam, perlakuan fikiran dan makna ujaran yang diterjemahkan.

Sementara itu, mengikut Nida (1964, hlm. 159) **padanan dinamis** pula didefinisikan sebagai prinsip penterjemahan yang berasaskan prinsip keberkesanan padanan (*the principle of equivalent effect*). Penterjemah seboleh mungkin menterjemah makna asal menggunakan gaya TL dalam budaya sasaran (TC) supaya impak yang akan diberi kepada pembaca TT adalah sama sebagaimana yang berlaku kepada pembaca ST. Mengikut Nida (1964, hlm. 159), hubungan di antara penerima dan mesej sasaran mestilah hampir sama sebagaimana hubungan yang wujud di antara penerima dan mesej asal.

Perhatian tidak akan bertumpu kepada kesesuaian mesej di antara SL dan TL, sebaliknya akan lebih memandang berat terhadap **hubungan dinamis** (*dynamic relationship*) iaitu hubungan antara pembaca TT dan mesej TT seharusnya benar-benar sama dengan hubungan antara pembaca ST dan mesej ST. Penterjemahan yang berorientasikan padanan dinamis ini lebih mendorong ke arah mendapatkan **kesejadian yang sempurna** dalam sesuatu ujaran dan seterusnya berusaha untuk mewujudkan perhubungan antara pembaca TT dan *mood* perlakuan yang berkaitan dalam konteks budayanya sendiri. Malahan tidak memaksa pembaca TT memahami corak budaya dalam konteks SL demi mendapatkan mesej.

Nida dan Taber (1982, hlm. 200) turut mendakwa bahawa seringkali berlaku TT berubah bentuk, namun selagi perubahan yang berlaku berada pada landasan peraturan **transformasi balik** (*back transformation*) SL, ataupun pemindahan yang mengekalkan konteks, walaupun berlaku transformasi dalam TL tetapi mesej dikekalkan, maka penterjemahan itu adalah benar (Nida dan Taber, 1982, hlm. 200). Mesej haruslah menepati keperluan linguistik sasaran dan memenuhi aspek budaya serta mencapai ungkapan yang cukup semula jadi. **Sejadi** (*naturalness*) merupakan kata kunci yang dipegang oleh Nida. Seterusnya, beliau menjelaskan bahawa matlamat penterjemahan dinamik adalah dengan mencari padanan sejadi terdekat kepada mesej TL (Nida 1964a, hlm.166, Nida and Taber 1969, hlm.12).

Nida kelihatan lebih cenderung kepada aplikasi padanan dinamik sebagai prosedur penterjemahan yang lebih efektif. Beliau turut menambah bahawa ‘Padanan dinamik dalam penterjemahan sedikit sebanyak merupakan informasi komunikasi yang paling tepat’ (Nida dan Taber, 1982, hlm.25). Tambah Nida lagi, kejayaan sesuatu penterjemahan itu bergantung kepada sambutan terhadap padanan yang diberi. Ia merupakan salah satu daripada **empat keperluan asas penterjemahan**, iaitu:

1. Boleh diterima
2. Menyalurkan semangat dan cara asal.
3. Sejadi dan ungkapan dalam bentuk yang mudah
4. Menghasilkan respon yang hampir sama dengan yang asal.

Walaupun padanan dinamik menjadi matlamat utamanya, Nida akur bahawa terdapat konflik antara kandungan yang mempunyai tanggapan tradisi dan bentuk selalunya tidak mudah diselesaikan. Justeru itu, Nida telah menggariskan peraturan am sebagai

panduan, iaitu **persamaan makna mestilah menjadi keutamaan berbanding persamaan stail sekiranya padanan yang berkesan ingin dicapai**. Namun hakikatnya antara kedua-dua konsep (persamaan formal dan padanan dinamis) yang begitu ketara perbezaannya dalam penterjemahan, terdapat juga tahap, iaitu beberapa perkara daripada kedua-dua konsep yang telah diterima pakai secara serentak, misalnya dalam terjemahan yang melibatkan unsur-unsur kesusasteraan.

2.2.1 Prinsip Terjemahan Berorientasikan Persamaan Formal

Menurut Nida (1964, hlm.165-166), penterjemahan yang menjurus kepada Persamaan Formal (F-E) merupakan penterjemahan yang pada asasnya berorientasikan teks sumber di mana bentuk dan kandungan mesej teks asal sebanyak mungkin akan ditunjukkan. F-E adalah usaha menghasil semula beberapa elemen formal termasuk,

1. unit tatabahasa

Penterjemahan untuk menghasilkan semula unit gramatis dihuraikan sebagai, (a) terjemahan kata nama dengan kata nama, kata kerja dengan kata kerja dan sebagainya; (b) mengekalkan kesemua frasa yang ada dan tidak menjejaskan ayat (misalnya tidak memecah dan mengubahsuai unit-unit gramatis); (c) mengekalkan semua penunjuk formal seperti tanda bacaan, pecahan perenggan dan indentasi puitis.

2. penggunaan perkataan yang konsisten

Penggunaan perkataan yang konsisten pada asasnya merupakan penterjemahan F-E yang mensasarkan konkordans dalam penggunaan istilah (*concordance of terminology*), di mana sentiasa menjadikan istilah tertentu dalam dokumen bahasa sumber dengan istilah yang sepadan dalam dokumen bahasa sasaran.

3. makna dalam konteks SL

Usaha untuk mendapatkan makna dalam konteks SL biasanya melibatkan penterjemahan F-E pada idiom. Pengubahsuaian pada idiom akan dielakkan, sebaliknya, sesetengah ungkapan akan dihasilkan semula secara literal. Oleh itu pembaca sasaran mungkin akan dapat memahami sesuatu sebagaimana dokumen asal menggunakan unsur-unsur budaya tempatan dalam penyampaian mesej.

Walau bagaimanapun tambah Nida lagi, dalam banyak contoh untuk menghasilkan semula elemen formal tertentu bukan sesuatu yang mudah. Mungkin terdapat *puns*, perkataan perintah *chiasmic*, contoh *assonance*, atau ciri-ciri *acrostic* pada bunyi yang benar-benar sukar untuk mencari persamaannya. Malahan ada sebahagian terjemahan yang memerlukan nota kaki untuk penerangan tambahan. Nota kaki ini pula bukan hanya untuk memberi penerangan pada ciri-ciri formal walaupun tidak mewakili secara keseluruhannya, tetapi juga untuk memberi kefahaman bagaimana padanan formal berfungsi pada ungkapan yang mungkin lebih memberi kesan kepada bahasa atau budaya sumber.

Hakikatnya, penterjemahan yang menjurus kepada terjemahan P-E ini dilihat sesuai pada sesetengah jenis mesej dengan pembaca/ penonton sasaran tertentu. Misalnya terjemahan pada teks bahasa asing yang disediakan untuk ahli bahasa, selalunya tidak mensasarkan apa-apa sebaliknya lebih kepada terjemahan F-E. Bahasa yang digunakan lebih literal dan dipecah-pecahkan mengikut nombor. Oleh itu unit padanan tersedia dibandingkan.

2.2.2 Prinsip Terjemahan Berorientasikan Padanan Dinamis

Fokus terjemahan yang berorientasikan padanan dinamis tidak kepada mesej sumber tetapi kepada reaksi penerima (pembaca sasaran). Terjemahan padanan dinamis (D-E) telah dianggap sebagai satu mesej lain yang sedikit sebanyak mempunyai kesamaan dengan mesej sumber, dimana terjemahan tersebut mestilah mencerminkan dengan jelas makna dan niat sumber.

Menurut Nida (1964, hlm.166), satu lagi cara yang digambarkan mengenai terjemahan berorientasikan D-E ialah “ padanan sejadi yang terdekat kepada mesej bahasa sumber”. Definisi ini merangkumi tiga perkara utama, iaitu;

1. **Padanan** yang merujuk kepada mesej bahasa sumber
2. **Sejadi** kepada bahasa sasaran
3. **Terdekat**, dimana penggabungan dua orientasi di atas untuk menghasilkan kesesuaian yang maksima.

Secara amnya, terjemahan D-E lebih terarah kepada padanan yang mengutamakan sambutan pembaca/penonton sasaran berbanding dengan padanan yang melebihi kepada bentuk bahasa. Perkataan **sejadi** pula merangkumi tiga aspek dalam proses komunikasi, dimana kesejadian itu haruslah bersesuaian dengan,

1. bahasa dan budaya sasaran secara keseluruhan,
2. konteks mesej tersebut,
3. pembaca/penonton bahasa sasaran

Sementara itu, terjemahan sejadi merangkumi proses adaptasi dalam dua aspek utama iaitu;

1. tatabahasa dan
2. leksikal.

Pada dasarnya, penyesuaian yang dibuat pada tata bahasa adalah lebih mudah kerana kebanyakan penyesuaian itu ditentukan oleh struktur-struktur wajib dalam bahasa sumber. Misalnya penyesuaian dengan mengubah susunan perkataan, menggunakan kata kerja pada tempat kata nama atau menggantikan kata nama dengan kata ganti nama.

Namun begitu, penyesuaian akan menjadi lebih rumit apabila melibatkan struktur leksikal untuk memenuhi keperluan semantik dalam bahasa sasaran. Beberapa peraturan yang perlu dipatuhi dengan beberapa kemungkinan alternatif. Terdapat tiga tahap leksikal yang harus dipertimbangkan;

1. Istilah separa yang sudah tersedia seperti *river*, *tree*, *stone*, *knife* dan sebagainya.
2. Istilah yang dikenal pasti berbeza objek mengikut budaya, tetapi mempunyai fungsi yang sama, seperti istilah *book* dalam bahasa Inggeris bermaksud objek yang mempunyai beberapa helaian muka surat yang dijilidkan menjadi satu unit. Sementara *book* dalam New Testament pula, merupakan kepingan kulit binatang atau kulit kayu yang digulung dalam bentuk skrol sebagai satu unitnya.
3. Istilah yang menggambarkan keistimewaan sesebuah budaya. Misalnya istilah *synagogue*, *homer*, *ephah*, *cherubim* dan *jubilee* yang boleh dipetik dalam kitab Injil.

Menurut Nida (1964, hlm. 167), pada kebiasaannya penyesuaian yang dibuat pada leksikal tahap satu tidak akan menimbulkan masalah. Sebaliknya, kekeliruan akan timbul apabila penyesuaian pada leksikal tahap dua dibuat, sama ada ingin menggunakan istilah yang merujuk kepada padanan bentuk atau padanan fungsi, atau menggunakan padanan fungsi yang beridentiti formal. Penyesuaian pada leksikal tahap

tiga pula, penggunaan ‘kesatuan asing’ (*foreign associations*) adalah sukar untuk dielakkan. Ini berlaku apabila bahasa sumber dan bahasa sasaran diwakili budaya yang begitu berbeza dan sukar untuk di ‘sejadi’kan melalui penterjemahan.

Kesejadian ujaran dalam bahasa sasaran pada dasarnya merupakan masalah saling kesesuaian. Pada sesetengah tahap, yang paling utama adalah seperti berikut;

1. Kelas perkataan, misalnya tidak ada kata nama untuk *love*, dan harus disebut dengan *God loves*, bukannya *God is love*.
2. Kategori gramatikal, misalnya pada sesetengah bahasa yang dikenali sebagai nominatif predikat itu membolehkan nombor dan subjek di kedudukan yang sama. Ayat *the two shall be one* seharusnya menjadi *the two must act just as though they are one person*.
3. Kelas semantik, contohnya kata sumpah dalam satu bahasa digunakan pada mereka yang menyalah gunakan nama-nama suci, tetapi tidak pula pada satu bahasa yang lain yang lebih *excremental* dan anatomi.
4. Jenis wacana, contohnya ada bahasa memerlukan sebutan secara langsung dan ada juga bahasa yang disebut secara berselindung.
5. Konteks budaya, misalnya ada masyarakat sebagaimana yang telah diterangkan dalam New Testament menganggap amalan duduk ketika mengajar adalah pelik dan tidak digalakkan.

2.2.3 Terjemahan Sejadi

Nida dan Taber (2003, hlm. 12-13) dalam membincangkan kesejadian dalam terjemahan, telah menganggap terjemahan sebagai menghasilkan semula **padanan sejadi yang terdekat** (*the closest natural equivalence*) mesej bahasa sumber dalam bahasa sasaran, pertama dalam makna dan kedua dalam stailnya.

Walau bagaimanapun kenyataan ini memerlukan penilaian yang lebih teliti berikutan beberapa elemen yang agak bercanggah seperti berikut:

1. Penghasilan semula mesej

Fokus utama penterjemahan ialah menghasilkan semula mesej. Seorang penterjemah mestilah bijak dalam membuat pengubahsuaian pada tatabahasa dan leksikal bagi memenuhi tanggung jawab itu.

2. Padanan bukan keserupaan

Penterjemah mesti berusaha untuk mendapatkan padanan dan bukannya keserupaan. Ini adalah salah satu lagi cara untuk memberi penekanan terhadap penghasilan semula mesej dan bukannya memelihara bentuk bagaimana sesuatu mesej itu diujarkan itu.

3. Padanan sejadi

Terjemahan yang terbaik ialah terjemahan yang tidak berbunyi seperti terjemahan apabila didengar atau dibaca. Tetapi ini tidak bermakna terjemahan seperti terjemahan Bible harus berbunyi seakan perkara itu berlaku sepuluh tahun yang lepas. Ini kerana dalam konteks sejarah, rujukan pada kitab-kitab suci adalah penting. Perkara-perkara yang mengandungi elemen sejarah harus dihormati dan dikekalkan. Walau bagaimanapun, ia tidak perlu di gambarkan bentuk tatabahasa dan stail sehingga menyebabkan kejanggalan. Atau dalam

kata lain, ‘kesetiaan’ pada teks terjemahan akan menghasilkan isi kandungan mesej yang tidak tepat dan memberi impak kepada mesej.

4. Padanan terdekat

Penterjemah yang teliti akan sentiasa berusaha menghasilkan padanan terdekat yang sejadi. Misalnya, frasa “demon-possessed” dalam bahasa Inggeris pada hari ini diberikan padanan sejadinya sebagai “mentally distressed” telah diperdebatkan. Mereka berpendapat bahawa “mentally distressed” hanyalah padanan sejadi, bukannya padanan terdekat. Ini kerana, “mentally distressed” adalah pentafsiran semula budaya yang tidak mengambil kira pandangan budaya masyarakat ketika itu.

5. Keutamaan Makna

Penyalinan semula makna menjadi keutamaan dalam sesebuah terjemahan, sebagaimana yang sering disebut-sebut oleh Nida (2003, hlm.12) apabila memberi definisi mengenai terjemahan. Atau dalam kata lain, pada keadaan yang tertentu, penterjemah dibenarkan dan wajar untuk melakukan pertukaran yang radikal daripada struktur formal supaya mesej yang terkandung dapat dikekalkan.

6. Kepentingan stail

Walaupun kepentingan makna menjadi keutamaan, namun penterjemah tidak seharusnya mengabaikan kepentingan stail dalam penterjemahan. Adalah tidak wajar bagi penterjemah untuk menterjemahkan teks puisi kepada teks prosa, ataupun teks penerangan kepada teks naratif. Kebiasaannya agak sukar untuk menggambarkan stail-stail tersirat yang terdapat dalam teks sumber seperti permainan kata, puisi akrostik dan unit-unit berirama.

Nida dan Taber (2003, hlm. 14-32) turut membicarakan empat perkara yang menjadi keutamaan sebagai asas untuk menentukan apa yang perlu dilakukan dalam penterjemahan, iaitu;

i. **Keutamaan adalah kepada keselarasan konteks berbanding dengan kepada keselarasan lisan** (konkordans perkataan demi perkataan).

Ketepatan pemilihan padanan dalam bahasa sasaran apabila menterjemah suatu perkataan daripada bahasa sumber adalah lebih bergantung kepada konteks dan bukannya semata-mata kepada keselarasan sistem lisan. Ini kerana;

a. Setiap bahasa merangkumi keseluruhan pengalaman dengan himpunan simbol lisan.

Misalnya terma *terrier* diguna untuk menceritakan tentang *house pet* (rumah binatang peliharaan) tertentu, tetapi objek yang sama juga boleh diceritakan sebagai *dog* (anjing). Walau bagaimanapun perkataan *dog* merangkumi sempadan makna yang lebih luas jika dibandingkan dengan perkataan *terrier*.

b. Setiap bahasa mempunyai sistem tersendiri dalam melambangkan makna.

Misalnya dalam satu bahasa, apabila menceritakan tentang *bamboo* sebagai pokok seperti di dalam bahasa Inggeris, tetapi dalam satu bahasa yang lain lain, *bamboo* diklasifikasikan sebagai salah satu daripada jenis rumput.

ii. **Keutamaan kepada Padanan Dinamis berbanding dengan Persamaan Formal.**

Sekiranya dilihat dari aspek pembaca/penonton sasaran, penilaian sesuatu penterjemahan itu adalah berdasarkan kebolehfahaman pembaca/penonton sasaran

terhadap teks terjemahan. Sama ada sesebuah teks terjemahan boleh difahami oleh pembaca/penonton sasaran atau tidak, ia bukan dinilai berdasarkan kepada kebolehfahaman pembaca/penonton sasaran kepada perkataan yang telah diterjemah dan bukan juga kepada pembinaan ayat yang betul tatabahasanya, tetapi kepada penerimaan keseluruhan impak mesej teks terjemahan tersebut. Impak yang diterima oleh pembaca/penonton sasaran terhadap teks tejemahan mesti sama seperti impak yang diterima oleh pembaca/penonton sumber terhadap teks sumber. Menurut Nida lagi (2003, hlm. 24) dalam terjemahan Bible misalnya, haruslah mengandungi maklumat yang boleh difahami (Fungsi Informasi), tetapi harus dikemukakan dengan cara yang dirasakan relevan (Fungsi Ekspresif) dan boleh bertindak balas dalam bentuk perbuatan (Fungsi Imperatif).

iii. Keutamaan kepada Bahasa Pendengaran berbanding dengan Bahasa Penulisan

Keutamaan bahasa berbentuk pendengaran ini amat penting dalam penterjemahan Bible (Nida dan Taber, 2003, hlm.28) kerana kebanyakan daripada penganut Kristian lebih gemar mendengar pembacaan kitab-kitab ini oleh orang lain daripada membacanya sendiri. Ini bermakna bentuk lisan ini mestilah boleh difahami sepenuhnya oleh pendengar/penonton. Beberapa pertimbangan telah digariskan oleh Nida dan Taber (2003, hlm. 29-30), antaranya;

- Penggunaan huruf besar dapat membetulkan makna, malahan kadang-kala menyebabkan kekeliruan dan kekaburan makna.
- Tidak terlalu bergantung kepada ketepatan ejaan yang kadang-kala membawa kepada kesilapan sebutan
- Mengelakkan daripada sebutan kata-kata kesat walaupun dalam bentuk penulisan ia tidak dirasakan kesat.

Pertimbangan-pertimbangan komunikasi dan perspektif ini sesuai untuk diaplikasikan untuk penterjemahan bahan-bahan seperti skrip rancangan radio, televisyen, filem dan iklan yang dipancarkan melalui media elektronik. Teks-teks terjemahan yang dibacakan kepada pendengar/penonton sasaran hendaklah jelas dan terang agar mudah difahami.

iv. Keutamaan kepada keperluan pembaca/penonton sasaran berbanding dengan bentuk bahasa.

Pertimbangan kepada jenis pembaca/penonton sasaran yang ditujukan sesebuah teks terjemahan juga harus diambil kira. Pertimbangan dari sudut misalnya umur, jantina, tahap pendidikan dan latar belakang taraf kehidupan pembaca/penonton sasaran. Ini penting untuk menentukan bentuk bahasa yang akan digunakan dalam teks terjemahan tersebut, agar bahasa yang digunakan lebih bersesuaian dan mudah difahami. Tidak guna menggunakan bahasa yang tinggi nilai kesusasteraannya, tetapi mengandungi mesej kabur, mengelirukan dan tidak boleh difahami oleh pembaca/penonton sasaran.

2.3 PADANAN DAN PERSAMAAN

Koller atau nama penuhnya **Werner Koller** merupakan antara linguist dari Jerman yang menerima pengaruh daripada Nida. Karya beliau *Einführung in die Übersetzungswissenschaft* (1979a; juga Koller 1979b/89: *Research into the Science of Translation*) ada membincangkan konsep padanan dan hubungannya dengan istilah persamaan. Dua istilah ini boleh dibezakan dalam rajah 2.1 seperti berikut:

<i>Field</i>	<i>Linguistik Kontrastif</i>	<i>Sains Penterjemahan</i>
Lingkungan Penyelidikan	Fenomena Persamaan dan keadaan, menghuraikan persamaan struktur dan ayat dalam sistem TL dan SL	Fenomena Padanan , menghuraikan hirarki ujaran dan teks dalam TL dan SL berdasarkan kriteria padanan
Pengetahuan	Langue	Parole
Kecekapan	Kecekapan dalam bahasa asing	Kecekapan menterjemah

**Rajah 2.1 : Konsep Padanan dan Istilah Persamaan
(Munday, 2001, hlm. 47)**

Persamaan termasuk dalam bidang linguistik kontrastif, iaitu membandingkan dua sistem bahasa dan menghuraikan perbezaan dan persamaan kedua-duanya. Parameternya adalah dalam golongan *langue* (Saussure 1916/1983) dan contoh yang dikemukakan oleh Koller seperti lambang leksikal, morfologi dan gangguan sintaksis. Padanan pula berkaitan dengan item padanan dalam pasangan ST-TT dan konteks yang spesifik. Parameternya *parole*. Koller juga menegaskan bahawa pengetahuan mengenai persamaan dapat ditunjukkan dengan kecekapan dalam bahasa asing, sementara pengetahuan dan kebolehan dalam padanan yang menunjukkan kecekapan dalam penterjemahan. Walau bagaimanapun tentang apa yang mesti menjadi padanan itu masih kekal menjadi persoalan.

Justeru itu, bagi menjawab persoalan tersebut, Koller (1976/1989, hlm.99-104) telah menghuraikan lima jenis padanan yang berbeza seperti berikut:

1. Padanan Denotatif iaitu berkaitan dengan padanan bagi teks yang mempunyai kandungan yang di luar linguistik.
2. Padanan Konotatif pula berkaitan dengan pemilihan leksikal terutamanya dalam kalangan sinonim semu. Koller melihat padanan jenis ini juga dirujuk sebagai **padanan stailistik**.
3. Padanan Teks-Nomatif yang berkaitan dengan jenis teks. Berbeza jenis teksnya, maka akan berbeza juga cara pengendaliannya.
4. Padanan Pragmatik atau **padanan komunikatif** lebih berorientasikan terhadap penerima/pembaca mesej/teks sasaran dan jenis ini juga bertepatan dengan **padanan dinamik** oleh Nida.
5. Padanan Formal iaitu berkaitan dengan bentuk dan estetik teks termasuk permainan kata dan unsur-unsur stailistik individu ST. Ia juga dikenali sebagai **Padanan Ekspresif**.

Koller seterusnya mengenal pasti jenis-jenis padanan mengikut fokus penyelidikan (*research focus*) dalam rajah 2.2 seperti berikut:

<i>Jenis Padanan</i>	<i>Bagaimana untuk dilaksana</i>	<i>Fokus Penyelidikan</i>
Denotatif	Analisis persamaan dan interaksinya terhadap faktor-faktor tekstual	leksis
Konotatif	‘Satu daripada masalah penterjemahan yang paling sukar, dan sekiranya dilakukan ia hanya yang hampir’ (Koller 1979b/b9:189); teori harus mengenal pasti dimensi konotatif dalam pelbagai bahasa.	Dimensi tambahan: Fomaliti (puitis, slanga dan lain-lain), penggunaan sosial, asal usul geografi, kesan stailistik (kuno, mendatar, dan sebagainya), kekerapan, jenis (teknikal, am dan sebagainya, penilaian, emosi)
Teks normatif	Penghuraian dan hubung kait corak penggunaan antara bahasa dengan analisis teks fungsian.	Melihat penggunaan dalam situasi komunikatif berbeza.
Pragmatik	Menterjemah teks untuk pembacaan pihak tertentu, mengatasi keperluan padanan yang lain	Menganalisis keadaan komunikatif yang sesuai untuk kumpulan penerima berbeza dalam pasangan bahasa dan teks berbeza.
Formal	Merupakan analogi kepada bentuk dalam TL, turut menggunakan kebarangkalian pada TL dan malahan juga mencipta yang baru.	Menganalisis potensi padanan dalam rima, metafora dan bentuk stailistik yang lain.

Rajah 2.2: Jenis-Jenis Padanan (Koller 1979, hlm. 187-189)

2.4 PADANAN DAN BAHASA KIASAN

Bahasa kiasan atau *idiom* merangkumi peribahasa, pepatah, perumpamaan, simpulan bahasa, metafora atau ungkapan. Menurut Abdullah Hassan (1993), bahasa kiasan atau

analogi ialah ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak dapat diketahui daripada makna perkataan itu sendiri ataupun daripada susunan tatabahasanya. Kata kiasan amat dipengaruhi oleh faktor budaya. Oleh yang demikian, suatu konsep kata kiasan dalam sesebuah budaya bangsa mungkin mempunyai konsep yang berlainan dalam budaya bangsa yang lain.

Padanan yang melibatkan bahasa kiasan memerlukan pertimbangan yang berbeza berbanding dengan padanan perkataan biasa. Menurut Baker (1992, hlm. 63-78), menterjemah simpulan bahasa daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain bukan sahaja melibatkan persoalan sama ada wujud atau tidak makna yang serupa dalam bahasa sasaran, malahan juga kepentingan sesuatu leksikal khusus yang membentuk simpulan bahasa tersebut. Misalnya sama ada bahasa kiasan tersebut pernah dimanipulasi di bahagian lain dalam bahasa sumber atau tidak. Juga sama ada bahasa kiasan itu sesuai atau tidak berdasarkan laras bahasa sasaran. Faktor-faktor lain yang turut di ambil kira adalah stail dan kesan retorik yang wujud.

Berikut empat strategi yang telah dicadangkan oleh Baker (1992, hlm. 63-78) dalam menterjemah simpulan bahasa;

- a. Menggunakan bahasa kiasan yang mempunyai makna dan bentuk yang serupa.
Strategi ini melibatkan penggunaan bahasa kiasan dalam bahasa sasaran yang dapat menyampaikan makna yang serupa sebagaimana bahasa kiasan dalam bahasa sumber. Namun kes seperti ini jarang sekali berlaku.
- b. Menggunakan simpulan bahasa yang mempunyai makna yang serupa tetapi berlainan bentuk.

Walaupun berkemungkinan wujud bahasa kiasan daripada bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sama dengan bahasa kiasan dalam bahasa sumber, tetapi sering kali ianya terdiri daripada item leksikal yang berbeza.

c. Menterjemah dengan parafrasa

Strategi ini paling biasa digunakan apabila padanan bahasa kiasan tiada di dalam bahasa sasaran. Ataupun apabila bahasa idiomatik tidak sesuai digunakan dalam teks sasaran kerana perbezaan gaya bahasa dalam teks sumber dan sasaran.

d. Menterjemah dengan menggugurkan

Kadang kala berlaku keadaan dimana bahasa kiasan digugurkan sama sekali daripada teks sasaran. Ini berkemungkinan kerana tiadanya padanan terdekat atau makna yang sukar untuk diparafrasakan ataupun disebabkan gaya bahasa.

Sementara itu, dalam menyelesaikan masalah terjemahan bahasa kiasan, Larson (1984, hlm. 17-25) menyarankan lima strategi penterjemahan seperti berikut:

1. Mengekalkan imej atau unsur-unsur bahasa kiasan bahasa sumber
2. Menukarkan bahasa kiasan bahasa sumber kepada bentuk *simile*
3. Menukarkan bahasa kiasan bahasa sumber kepada bahasa kiasan bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sama
4. Mengekalkan bahasa kiasan bahasa sumber dengan memberi penjelasan maknanya
5. Menterjemah tanpa mengekalkan imej atau unsur-unsur kiasan bahasa sumber

Tambah Larson (1998, hlm.125-126), penterjemah/ penyari kata perlu sentiasa peka dengan penggunaan bahasa kiasan dalam bahasa sasaran, dan bahasa kiasan perlu digunakan secara semula jadi supaya hasil terjemahan nanti akan lebih menarik dan dapat mengekalkan gaya bahasa sumber. Terdapat juga di mana teks sumber yang tiada bahasa kiasan tetapi diterjemahkan dengan baik menggunakan bahasa kiasan.

Misalnya perkataan *peace*, seringkali diterjemahkan dalam bentuk bahasa kiasan *to sit down in the heart* di Afrika.

2.5 KETIDAKPADANAN

Keadaan ketidakpadanan atau juga dikenali sebagai keadaan ketidakterjemahan berlaku apabila sesuatu perkataan atau frasa yang mewakili konsep yang tidak dapat dipadankan atau diterjemahkan dengan sepenuhnya ke dalam TL kerana adanya batasan atau had yang tertentu (Hasuria Omar, 1997).


Sementara itu **Baker** (1992, hlm.17-18) telah membincangkan dengan panjang lebar mengenai permasalahan ketidakpadanan (*the problem of non-equivalence*). Menurut beliau adalah agak mustahil untuk kita memberi garis panduan mutlak dalam mengatasi permasalahan ketidak padanan yang berlaku di antara bahasa dalam proses terjemahan. Pemilihan yang sesuai dalam konteks yang telah ditentukan bergantung kepada pelbagai faktor yang meluas dan sesetengah faktor ini mungkin terhad dari segi linguistik mahupun bukan linguistik. Pemilihan padanan yang sesuai juga tidak selalunya bergantung kepada sistem linguistik sahaja, ataupun dibawah kawalan penterjemah. Pemilihan padanan turut mengambil kira niat asal penulis ST dan pengeluar TT. Jenis dan tahap kesukaran yang dikemukakan begitu berbeza bergantung kepada sifat ketidakpadanan itu. Sekiranya jenis ketidakpadanan berbeza, sudah pasti strategi yang diperlukan untuk menyelesaikannya juga berbeza. Sesetengah masalah ketidakpadanan begitu mudah untuk diselesaikan, ada kalanya memerlukan penglibatan banyak perkara untuk mengatasinya. Tambah Baker lagi, dalam berurusan dengan apa jua jenis permasalahan ketidakpadanan sekalipun, yang paling utama dilakukan menilai kepentingan dan penglibatan perkataan atau frasa tersebut berdasarkan konteks yang telah ditentukan dalam sesuatu teks itu. Ini adalah kerana

tidak semua perkataan atau frasa yang menjadi punca permasalahan ketidakpadanan itu penting. Sekiranya ia tidak akan menjejaskan makna, penterjemah boleh mengabaikannya, namun jika ia merupakan kata kunci kepada kefahaman teks dan seterusnya kepada perkembangan teks, maka seboleh mungkin penterjemah mesti mendapatkan maknanya.

Larson (2003, hlm. 97-105) turut membincangkan permasalahan ketidak padanan (*mismatching*) dalam sistem leksikal di antara bahasa. Terdapat tiga jenis ketidak padanan yang telah dikemukakan, iaitu:

1. Ketidakpadanan pada rujukan.

Aspek utama dalam makna perkataan ialah rujukannya kepada benda, kejadian atau sifat yang dirujuk. Penutur sesebuah bahasa itu ‘mengetahui makna’ sesuatu perkataan kerana mereka berinteraksi dengan benda, kejadian atau sifat yang dirujuk. Perbezaan di antara ahli set semantik tidak dapat dikaji tanpa mengenal pasti perbezaan yang wujud dalam dunia rujukan (*referential world*) (Dunia di mana setiap daripada masyarakat penuturnya melalui pengalaman, melakukan perbuatan dan bercerita mengenainya). Walaupun benda, kejadian dan sifat yang sama mungkin wujud dalam dunia rujukan, tetapi sistem rujukannya tidak akan sama di antara satu bahasa dengan bahasa yang lain. Misalnya dalam bahasa Inggeris, penggunaan lebih daripada satu perkataan apabila merujuk kepada perkara tertentu, tetapi ini mungkin tidak berlaku kepada bahasa lain yang hanya menggunakan satu perkataan apabila merujuk kepada perkara tertentu. Dan begitu juga sebaliknya sebagaimana yang dapat dilihat dalam rajah 2.3,



**Rajah 2.3 : Ketidak padanan pada rujukan
Larson (2003, hlm.98)**

2. Ketidakpadanan pada set semantik

Leksikal mungkin berkaitan dengan satu sama lain dalam pelbagai cara. Walaupun tidak mempunyai komponen makna yang sama, tetapi perkaitan ini akan wujud apabila ianya berlaku dalam masa yang sama dan orang bercerita mengenai sesuatu topik tertentu. Perkataan-perkataan ini dikumpulkan bersama di dalam pemikiran setiap ahli masyarakat yang menggunakannya kerana perkara dan kejadian yang disebut sering dikaitkan dengan satu sama lain. Contohnya setiap bahasa mempunyai himpunan kosa kata yang digunakan apabila bercakap mengenai topik pertanian. Bahasa Inggeris misalnya, mempunyai himpunan perkataan *plow, plant, harvest, wheat, corn, hoe, binder, thrashing machine* dan sebagainya dibawah topik ini. Seterusnya akan terbentuk himpunan kecil pula apabila bercakap mengenai jenis pertanian yang lebih khusus. Himpunan kosa kata yang sama tidak akan wujud pada bahasa yang lain. Atau dalam kata lain, tidak akan wujud himpunan kosa kata dalam bahasa A yang mempunyai padanan sempurna dengan himpunan kosa kata

dalam bahasa B di bawah topik pertanian. Ini kerana akan wujud lebih banyak himpunan kosa kata dalam satu bahasa berbanding dengan satu bahasa yang lain.

3. Ketidakpadanan pada budaya leksikal

Berbeza bahasa mempunyai berbeza fokus kosa katanya bergantung kepada budaya, lokasi geografi dan pandangan masyarakat penuturnya. Ini kerana apabila berlainan situasi geografinya, dalam satu bahasa berkemungkinan fokus kosa katanya menjurus kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pertanian dan manakala satu bahasa lagi kosa katanya lebih berfokus kepada perikanan. Sudah tentu himpunan kosa kata dalam bahasa terdahulu adalah berlainan dengan himpunan kosa kata dalam bahasa berikutnya.

Pada dasarnya menurut Larson (2003, hlm.103), kita dapati satu perkataan dalam bahasa A seakan sama dengan satu perkataan dalam bahasa B, malahan mempunyai persamaan pada komponen makna. Hakikatnya apabila diselidiki, kedua-dua perkataan ini- tidak berpadanan. Contohnya tiga perkataan *house*, *oikos* dan *numuno* yang merujuk satu atau lebih benda yang sama. Ketiga-tiga perkataan ini iaitu *house* dalam bahasa Inggeris, *oikos* dalam bahasa Greek dan *nomuno* dalam bahasa Papua New Guinea merujuk kepada bangunan di mana orang tinggal di dalamnya. Walau bagaimanapun ketiga-tiga perkataan ini akan dibayangkan dalam bentuk gambaran yang berlainan oleh penutur bahasa masing-masing kerana perbezaan budaya pada objek yang dirujuk.

Tambah Larson (2003), ketidakpadanan merupakan cabaran kepada penterjemah untuk mencari jalan terbaik supaya dapat berkomunikasi dengan makna bahasa sumber dalam bahasa sasaran. Di mana sering kali terdapat perbezaan di antara kedua-dua

bahasa (sumber dan sasaran) dari sudut inventori leksikalnya dan cara inventori itu dikumpul dan dibahagikan.

Catford (1965, hlm.94) turut mengakui bahawa konsep ketidak padanan boleh berlaku dalam terjemahan disebabkan oleh dua faktor seperti berikut:

- i. Faktor linguistik – berlaku apabila bentuk bahasa yang hendak diterjemahkan tidak mempunyai padanan yang sesuai dalam TL, khususnya pada padanan leksikal dan padanan yang berbentuk sintaksis.
- ii. Faktor budaya – berlaku apabila tidak adanya ciri-ciri situasi atau fitur bagi budaya SL dalam budaya TL.

Ketidak padanan sememangnya tidak dapat tidak dapat dielakkan berdasarkan faktor-faktor yang telah diperjelaskan seperti di atas. Ketidak padanan akan sentiasa berlaku dalam apa jua jenis penterjemahan dan akan menjadi cabaran kepada kepada para penterjemah. Penyelesaiannya adalah bergantung kepada kebijaksanaan penterjemah, asalkan mesej dapat disampaikan adalah sebagaimana yang sepatutnya.

2.6 KAJIAN-KAJIAN LEPAS YANG BERKAITAN

Pengkaji mendapati agak sukar untuk mencari kajian yang berkaitan dengan padanan penterjemahan yang dibuat oleh pengkaji tempatan. Kebanyakan pengkaji tempatan lebih gemar membuat kajian yang memberi fokus kepada bidang penterjemahan secara keseluruhan misalnya pendekatan penterjemahan dan proses penterjemahan itu sendiri. Ini mungkin disebabkan oleh konsep padanan itu sendiri yang merupakan satu daripada perkara yang paling bermasalah dan kontroversi. Justeru itu tidak mustahil

jika perkara ini telah dan akan terus menjadi topik perdebatan hangat dalam pengajian penterjemahan.

Walau bagaimana pun, terdapat beberapa kajian yang mengkaji tentang padanan penterjemahan walaupun lebih tertumpu kepada padanan makna. Antaranya adalah Kamarul Azmi bin Ahmad (2009, hlm. 104-106) dengan kajiannya yang bertajuk '*Masalah Padanan Makna Arab dan Melayu: Satu Kajian Istilah Keluarga dan Masyarakat*'. Menurut beliau bukan sesuatu perkara yang mudah untuk memahami sesuatu perkataan dan seterusnya menterjemah. Hasil kajian beliau telah merumuskan beberapa perkara tentang padanan makna seperti berikut:

1. Makna sesuatu istilah tidak mudah untuk ditentukan. Untuk memahami makna perkataan, istilah atau ungkapan, perlu dilihat penggunaannya dalam ayat. Hubungan makna antara perkataan dalam ayat dapat membantu kita memahami makna sesuatu istilah. Selain itu, untuk mendapatkan padanan makna yang sebenar, pengamatan, pengalaman dan rasa bahasa yang amat tinggi diperlukan.
2. Para sarjana linguistik berbeza pendapat tentang kewujudan padanan makna bagi setiap perkataan. Namun melalui kajian yang dilakukan, beliau berpendapat tidak ada padanan makna yang benar-benar tepat bagi hampir keseluruhan kata sebagaimana kata yang mempunyai pelbagai makna yang berbeza. Namun itu bukanlah suatu perkara yang perlu dirisaukan kerana apa yang penting ialah mesej yang ingin disampaikan oleh seseorang penutur melalui perkataan yang digunakan dan dapat difahami oleh pendengar.
3. Antara istilah-istilah yang menimbulkan kesukaran dalam menentukan padanan makna yang sesuai ialah kata panggilan keluarga, istilah-istilah yang jarang digunakan dan istilah-istilah yang mempunyai lebih daripada satu makna.

4. Yang perlu dilakukan apabila seseorang ingin menterjemah sesuatu leksikal adalah, berusaha sedaya mungkin untuk mencari padanan makna yang paling hampir dan ringkas agar ia dapat memudahkan mereka yang bukan penutur bahasa asal memahami maksud yang ingin disampaikan melalui bahasa terjemahan.
5. Walaupun terdapat kesukaran untuk menentukan padanan makna terhadap leksikal-leksikal tertentu dalam kedua-dua bahasa, namun fenomena kepelbagaian ciri-ciri makna ini dari sudut yang lain dapat memudahkan pengguna kedua-dua bahasa memperoleh pelbagai maklumat seperti gender, kedudukan dalam keluarga, masyarakat, status dan sebagainya hanya daripada satu leksikal sahaja.

Terdapat satu kajian lagi yang begitu dekat dengan kajian pengkaji iaitu kajian yang telah dibuat oleh Yuko Fujimura (1997) yang bertajuk *Translating Malay adjectives into Japanese : A Study Based on The Translation of Adibah Amin's Novel, 'Seroja Masih di Kolam'*. Kajian ini merupakan kajian analisis kontrastif kata adjektif dalam terjemahan BM ke BJ yang terdapat dalam novel *'Seroja Masih di Kolam'* dan terjemahannya *'Suroja no hana wa da Ike ni'*. Dalam kajian ini beliau telah membuat perbandingan dengan menghuraikan persamaan dan perbezaan ciri-ciri gramatikal (morfologi, sintaks dan semantik) kata adjektif dalam kedua-dua bahasa. Pengkaji ini seterusnya membandingkan kata adjektif BM yang terdapat dalam novel asal dan terjemahan BJnya yang terdapat dalam novel terjemahan BJ untuk melihat teknik penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah. Dalam masa yang sama, beliau juga dapat melihat transformasi sintaks dan leksikal kata adjektif bahasa Jepun. Beliau berpendapat dalam menterjemah kata adjektif bahasa Melayu ke bahasa Jepun tidak

semudah yang disangka seperti menterjemah golongan kata yang lain, ia bukan sahaja melibatkan aspek gramatikal seperti aspek imbuhan dalam bahasa Melayu dan aspek konjugasi dalam bahasa Jepun, malahan juga faktor-faktor seperti cuaca juga perlu diambil kira.

Pengkaji bersetuju dengan pendapat ini kerana penterjemahan itu bukan sekadar proses menukarkan teks daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain, tetapi merupakan proses memindahkan mesej daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain. Untuk memastikan bahawa mesej yang disampaikan itu tepat dan betul, pelbagai cara dan perkara yang perlu dipertimbangkan. Justeru itu, untuk mendapatkan terjemahan yang baik, penterjemah harus mengambil tahu tentang fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, pragmatik, idiomatik, keagamaan, dan sistem kebudayaan dari kedua-dua SL dan TL sama ada untuk mencari padanan, memberi penjelasan, atau untuk menyampaikan makna sebagaimana yang diharapkan oleh penulis ST kepada penonton TL.

Sementara itu dalam membincangkan terjemahan kata kerja, GS Seong (2011, hlm. 51-52) dengan artikelnya *Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan*, telah membincangkan dengan panjang lebar mengenai padanan kata kerja. Menurut penjelasan beliau lagi, salah satu daripada masalah utama dalam penterjemahan ialah mencari padanan kata yang sejadi dan sepadan. Penyataan telah disokong oleh Nida (1975) dengan menyebut bahawa masalah terjemahan, yang sebenarnya merupakan masalah kepadanan.

Kata kerja bahasa Cina mengalami beberapa jenis padanan dalam bahasa Melayu, iaitu terjemahan tepat, terjemahan berlebihan, terjemahan berkurangan, terjemahan

salah dan terjemahan taksa. Lazimnya, kata kerja yang mempunyai makna konkrit dapat diterjemahkan kepada padanan tepat kerana makna kata kerja berkenaan dapat dikesan dengan mudah daripada kamus.

Analisis daripada kajian beliau menunjukkan beberapa ciri umum dalam pepadanan kata kerja bahasa Cina-bahasa Melayu berikut:

- “ a. Terdapat persamaan konsep antara kata kerja dalam bahasa Cina dengan beberapa kata kerja dalam bahasa Melayu yang menyebabkan wujudnya terjemahan padanan satu lawan banyak. Usaha untuk mendapatkan padanan kata kerja daripada timbunan kata kerja dalam bahasa Melayu yang paling sejadi maknanya dengan sesuatu kata kerja dalam bahasa Cina telah membawa pada terjemahan berkurangan dan terjemahan berlebihan.
- b. Terjemahan kata kerja dalam bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu perlu merujuk pada makna konteks teks sumber. Makna kata kerja bahasa Cina banyak dipengaruhi oleh konteks ayat kehadirannya sehingga menyebabkan keadaan hiponim berlaku dengan ketara dalam sesuatu kata kerja bahasa Cina. Salah tafsir dan ketidakprihatinan penterjemah terhadap keadaan ini akan menyebabkan berlakunya terjemahan salah dan terjemahan taksa.
- c. Terjemahan kata kerja dalam bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu dipengaruhi oleh kata-kata yang berdampingan dengannya seperti kata adverba dan kata nama yang hadir sebelumnya atau selepasnya. Keadaan ini menyebabkan terjemahan berlebihan berlaku kerana kandungan fitur makna sesuatu padanan kata kerja dalam teks sasaran mengandungi fitur makna kata-kata yang hadir bersama dengan kata kerja dalam teks sumber.
- d. Perbezaan rumus tatabahasa serta penstrukturan ayat antara bahasa Cina dengan bahasa Melayu menyebabkan terjemahan kosong berlaku dalam penterjemahan

kata kerja dalam bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu. Terjemahan kosong ini berlaku juga kerana keutamaan yang diberikan oleh penterjemah untuk menjaga emik bahasa sasaran.

- e. Terjemahan yang mementingkan unsur estetika dalam teks sasaran lebih cenderung pada terjemahan berlebihan dan terjemahan salah. Hal ini demikian kerana pilihan padanan sedemikian selalunya bersifat bebas daripada makna asal kata kerja dalam teks sumber.
- f. Sesetengah kata kerja dalam bahasa Cina terpaksa diterjemahkan menjadi terjemahan berlebihan dalam bahasa Melayu kerana tidak ada padanan yang tepat dengan kata kerja tersebut. Keadaan ini berlaku kerana perbezaan cara penyampian sesuatu idea dan reaksi antara masyarakat pengguna bahasa Cina dengan masyarakat pengguna bahasa Melayu.
- g. Jenis kata kerja yang bersifat konkrit dan hanya mempunyai makna denotasi lazimnya lebih cenderung diterjemahkan dengan tepat. Kata kerja yang mempunyai unsur emosi dan perasaan lebih cenderung diterjemahkan menjadi terjemahan berkurangan, terjemahan berlebihan dan terjemahan salah.
- h. Kata kerja yang lebih kerap digunakan dalam sesuatu teks sumber lebih cenderung diterjemahkan menjadi terjemahan berlebihan, terjemahan berkurangan dan terjemahan salah. Hal ini demikian kerana jenis kata kerja ini lazimnya cuba diterjemahkan menjadi padanan yang berbeza-beza dalam teks sasaran tanpa meneliti ketepatan makna semantik padanan tersebut dengan kata kerja asalnya dalam teks sumber.
- i. Salah tafsir makna kata asal oleh penterjemah terhadap kata kerja konkrit menyebabkan berlakunya terjemahan salah.

- j. Kata kerja yang berbeza konsepnya antara bahasa sumber dan bahasa sasaran lebih kerap diterjemahkan menjadi terjemahan tepat. Hal ini demikian kerana perbezaan konsep bagi sesuatu kata antara bahasa sumber dan bahasa sasaran dapat dihayati dengan baik oleh penterjemah sehingga tercarinya padanan yang sama fungsi dengan kata kerja dalam teks sumber.”

Tambah GS Seong (2011, hlm. 52) lagi, kesimpulannya, padanan satu lawan banyak yang wujud dalam penterjemahan kata kerja bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu sesungguhnya memperlihatkan kekayaan kosa kata bahasa Melayu (sekurang-kurangnya dalam menangani penterjemahan 10 kata kerja bahasa Cina yang dianalisis dalam kajian ini) dalam menangani sesuatu terjemahan kata kerja bahasa Cina. Keadaan ini sememangnya banyak menyumbang pada dunia penterjemahan kata kerja bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu dengan mempelbagaikan pilihan padanan kata kerja.

Bertitik tolak daripada kajian ini juga telah mencetuskan idea kepada pengkaji untuk memulakan kajian yang hampir sama iaitu dalam terjemahan kata kerja. Pada pendapat pengkaji, penterjemahan kata kerja adalah lebih mencabar berbanding kelas perkataan yang lain kerana kata kerja merupakan inti utama dalam sesuatu ayat. Kata kerja menceritakan tentang perbuatan, perlakuan, pergerakan, keadaan, kewujudan dan sebagainya. Tambahan lagi, kajian terjemahan kata kerja bahasa Jepun ke bahasa Melayu dalam filem animasi Jepun belum pernah dilakukan oleh sesiapa setakat ini.

2.8 KESIMPULAN

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa padanan penterjemahan merupakan perkara yang menjadi permasalahan utama dalam bidang penterjemahan. Malahan padanan penterjemahan juga telah dan terus menjadi topik hangat yang diperbincangkan. Perkara ini juga telah dianalisa, dinilai dan diperbincangkan dengan mengambil kira daripada segenap pandangan dan pendapat yang berbeza. Hasil daripada perbincangan demi perbincangan, beberapa pendapat dan teori yang telah dikemukakan. Walau bagaimanapun, ia lebih bersifat sementara dan memerlukan huraian yang lebih terperinci. Sehingga kini masih sukar untuk mencapai kata sepakat yang universal dalam mentakrifkan padanan penterjemahan.